

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 MAY 2017

Najib komited pastikan Malaysia miliki infrastruktur bertaraf dunia

BH-14/5/2017

[FOTO BERNAMA]

➔ Pembinaan kemudahan cipta lebih banyak peluang pekerjaan

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak komited membina infrastruktur bertaraf dunia untuk Malaysia meskipun berdepan kecaman pembangkang berhubung kemampuan pentadbirannya.

Perdana Menteri berkata, infrastruktur tempatan akan dipelihara, dibuka sebagai lokasi pelancongan terbesar negara, menarik lebih banyak perdagangan dan peluang pekerjaan kepada rakyat, sekali gus menambah baik taraf hidup serta kemakmuran.

Menceritakan detik kegemilangan perdagangan zaman Laluan Sutera di mana ada signifikan antara hubungan Malaysia-China, beliau berkata, ketika itu wujud zon perdagangan terbuka kerana masyarakatnya mempunyai minda terbuka dan bijaksana.

Katanya, prinsip keterbukaan ketika itu adalah demi kepentingan semua negara dan langsung tidak mengadai maruah dan martabat



Najib menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara dua syarikat China dan Malaysia yang diwakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Irwan Serigar (duduk dua kiri).

sebuah negara kerana tiada kompromi mengenai soal kedaulatan.

“Keterbukaan yang sama turut berlaku pada hari ini. Kami mengalu-alukan pelaburan dari semua rakan kerana Malaysia adalah negara ‘penjelajah’ yang sentiasa memandang ke luar,” katanya dalam catatan di blog www.najibrazak.com semalam.

Nukilan sempena lawatan kerja Najib selama lima hari di China itu turut disiarkan menerusi artikel dalam sebuah portal negara itu, *South China Morning Post*.

Kaedah gaya baharu

Najib juga berkata, gagasan ASEAN melihat ada kebenaran dalam permainan itu dan menganggapnya cuma kaedah gaya baharu dalam projek infrastruktur

hasil daripada inisiatif China menerusi Inisiatif Belt & Road (OBOR).

“Kerjasama ini, sekali gus mewujudkan laluan kereta api China-Laos, kereta Api berkelajuan tinggi (HSR) Jakarta-Bandung, HSR Nakhon Ratchasima-Bangkok dan di Malaysia pula, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang akan bertindak sebagai jambatan bagi membolehkan kos dan masa pengangkutan yang cekap menghubungkan Afrika, Asia Barat dan Asia,” katanya.

Mengulas mengenai lawatan singkatnya pada Mac lalu, Najib berkata, pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital yang pertama di dunia oleh Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Alibaba Group, Jack Ma, adalah pemangkin kepada e-dagang dan pe-



Kami mengalu-alukan pelaburan dari semua rakan kerana Malaysia adalah negara ‘penjelajah’ yang sentiasa memandang ke luar”

Najib Razak,
Perdana Menteri

rusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.

Ia sekali gus akan menjadi hab utama bagi syarikat berasaskan internet global serta tempatan dengan menasaskan Asia Tenggara sebagai pasaran.

Kapal misi pesisir

Selain itu, persetujuan membeli kapal misi pesisir dari China turut menguntungkan Malaysia apabila ia menyediakan peluang pekerjaan di kedua-dua negara.

Dua kapal pertama sedang dibina di negara berkenaan. Selain membantu melindungi dan meningkatkan keselamatan rakyat Malaysia, ia memberi pengetahuan kepada negara ini.